

**Bukan saja The Loaf banyak lagi kedai gulung tikar**

**SINAR HARIAN**

**18 APRIL 2018**

**JANATUL FIRDAUS YAACOB**

PETALING JAYA – Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kedai roti premium, The Loaf, tidak akan ditutup sekiranya ekonomi negara baik dan tidak ditadbir oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (Harapan) mendakwa, di bawah pentadbiran Najib bukan sahaja kedai roti tersebut sahaja gulung tikar, malah banyak lagi perniagaan besar lain turut berdepan nasib sama.

“Kalau (Datuk Seri) Najib tidak jadi Perdana Menteri dan ekonomi negara kita ini lebih baik, The Loaf memang mampu hidup dan untung.

“Bukan saja Loaf banyak kedai-kedai lain dah tutup, kedai yang besar pun banyak dah tutup begitu juga pelabur-pelabur asing lari tutup industri mereka jadi bukan saja Loaf orang lain pun kena,” katanya.

Beliau menggesa Najib berundur dan tidak bertanding kerana tidak layak mentadbir negara dengan baik.

“Perkara ini kalau nak betulkan balik saya fikir Najib berundur, tak payah bertandinglah awak tak layak,” desak Mahathir.

Terdahulu, 12 cawangan The Loaf seluruh negara ditutup serta-merta Jumaat lalu.

**© 2018 All Rights Reserved • Karangkrak Group Media • © 2018 Hakcipta  
Terpelihara • Kumpulan Media Karangkrak**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/politik/bukan-saja-the-loaf-banyak-lagi-kedai-gulung-tikar-1.823479>